



SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

DIKEMASKINI : 7 DISEMBER 2020

Waktu Berkuat Kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Perkhidmatan Perlu & rantaianya
- Mendapatkan rawatan kesihatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	Lokaliti Khusus – Lorong, Blok Bangunan, Kejiranan, Kampung, Taman Perumahan, Kampus, Kompleks Dan Kawasan Khusus Seumpamanya
Tempoh Kuat Kuasa	Dua (2) minggu dan pelanjutan tertakluk kepada keputusan Majlis Keselamatan Negara
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA. • Laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. • Semua penduduk di dalam kawasan PKPD TIDAK DIBENARKAN keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing kecuali seorang (1) sahaja wakil isi rumah dibenarkan keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan dan keperluan asas di premis perniagaan yg dibenarkan oleh PDRM. • Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian DIBENARKAN setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
Saluran Makanan dan keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi kawasan dan penduduk yang terputus bekalan makanan dan keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri/Daerah dan diagihkan oleh APM dan RELA. • Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain- lain akan diselaraskan oleh PKOB Negeri/Daerah.
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti ekonomi dan industri, perladangan, perikanan, pertanian, pelancongan, pusat jagaan kanak-kanak (tadika,tabika,taska), perniagaan, majlis rasmi termasuk mesyuarat, majlis sosial, kebudayaan, industri kreatif, pendidikan, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, sukan dan rekreasi adalah TIDAK DIBENARKAN. • Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM. • Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan